

24 JUN 2023 / 1444 ذوالحجه 5

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Jun. - Faculty of Agriculture (FOA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima tiga lawatan sambil belajar daripada guru-guru berlainan sekolah sebagai menyokong program Green School Gardening (GSG), The Science, Technology and Environment Partnership (STEP) Centre, Kementerian Pendidikan.

Lawatan sambil belajar

berkenaan diadakan pada 6 Jun, 13 Jun dan 20 Jun 2023 di FOA, Kampus Sinaut, UNISSA.

Lebih 56 peserta yang terdiri daripada guru GSG dan pegawai STEP menyertai lawatan sambil belajar berkenaan.

Taklimat semasa lawatan berkenaan disampaikan oleh Profesor Dr. Ahmed Osumanu Haruna, Profesor Madya Dr. Hajah Rose binti Abdullah dan Dr.

FACULTY OF AGRICULTURE, UNISSA TERIMA LAWATAN DARIPADA GURU GSG, STEP

Syahirah binti Haji Shahlehi.

Fasilitator berkenaan dibantu oleh Awang Ubaidullah bin Haji Mat Yassin, Dayang Hajah Siti Nur Dalina binti Haji Awang Daud, Dayang Noorfarahin binti Rashid dan Awang Mohammad Shamsul bin Haji Metassim.

Lawatan sambil belajar berkenaan merupakan sebahagian daripada khidmat masyarakat yang diberikan oleh kakitangan FOA kepada guru-guru GSG.

Semasa lawatan berkenaan, para peserta diberi taklimat mengenai cara menghasilkan pindaan organik berkualiti tinggi seperti kompos daripada sisa pertanian dan makanan untuk meningkatkan produktiviti tanah dan tanaman.

Taklimat berkenaan menyentuh mengenai latar belakang dan teori pengkomposan bagi membolehkan mereka memahami konsep dan sains di sebalik subjek berkenaan.

Para peserta juga diberi peluang untuk melibatkan diri dalam penyediaan kompos secara praktikal.

Pada hari terakhir lawatan berkenaan, sijil penghargaan diberikan kepada staf akademik yang menyampaikan taklimat yang



FACULTY of Agriculture (FOA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima tiga lawatan sambil belajar daripada guru-guru berlainan sekolah sebagai menyokong program Green School Gardening (GSG), The Science, Technology and Environment Partnership (STEP) Centre, Kementerian Pendidikan (atas dan kiri).

disempurnakan oleh Pengarah STEP, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.

Diharapkan dengan lawatan berkenaan dapat memberi manfaat kepada para peserta tentang keberkesanan kompos terhadap

tanah, tumbuh-tumbuhan dan alam sekitar di samping dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh dalam mengitar semula sisa pertanian dan makanan sebagai pindaan organik untuk tanaman di sekolah mereka.